




23 JUL, 2021

Peniaga durian mohon maaf

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2



RAZMAN (tengah) ketika mengunjungi Mohd. Firdaus (kiri) di premis jualan duriannya di Ijok semalam.

Peniaga durian mohon maaf

LARUT – Seorang peniaga durian tampil memohon maaf dan mengakui telah membuat kesilapan susulan tindakannya memuat naik sebuah video sehingga tular kononnya berlaku lambakan buah di premis jualan di Ijok di sini baru-baru ini.

Mohd. Firdaus Endut, 41, berkata, tindakan yang dilakukannya itu adalah disebabkan sangat tertekan dan terlalu beremosi apabila lebih dua tan buah durian miliknya tidak terjual.

"Disebabkan emosi dalam video itu, saya telah mengeluarkan perkataan tanpa sengaja dengan mendakwa pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) tidak pernah datang

membantu.

"Kata-kata itu tidak tepat dan saya tidak bermaksud untuk menyalahkan sesiapa cuma disebabkan tertekan apabila melihat buah durian yang banyak depan mata tidak terjual," katanya ketika ditemui di premis jualan di sini semalam.

Menurut Mohd. Firdaus, lambakan buah durian berlaku pada hari berkenaan disebabkan sambutan Aidiladha sehingga menyukarkannya untuk membawa keluar buah berkenaan.

Bagaimanapun, selepas video itu menjadi tular, pihak FAMA daerah ini telah tampil membantunya dengan membeli kira-kira tiga tan buah durian.

"Saya kesal dengan video itu dan amat berterima kasih kepada FAMA kerana telah mengurangkan kerugian yang saya tanggung," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perladangan dan Pertanian negeri Perak, Razman Zakaria berkata, masalah lambakan yang berlaku di kawasan Ijok telah selesai apabila FAMA telah bertindak membeli lebih tiga tan buah durian untuk dipasarkan di Ipoh, Sungai Petani, Kedah dan Selayang, Selangor.

Menurutnya, tiada lambakan besar berlaku di Ijok dan Batu Kurau, malah dakwaan kononnya FAMA tidak membantu peniaga-peniaga ini adalah tidak tepat.



23 JUL, 2021

Peniaga durian mohon maaf

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

RAZMAN (tengah) ketika mengunjungi Mohd. Firdaus (kiri) di premis jualan duriannya di Ijok semalam.

LARUT - Seorang peniaga durian tampil memohon maaf dan mengakui telah membuat kesilapan susulan tindakannya memuat naik sebuah video sehingga tular kononnya berlaku lambakan buah di premis jualannya di Ijok di sini baru-baru ini. Mohd. Firdaus Endut, 41, berkata, tindakan yang dilakukannya itu adalah disebabkan sangat tertekan dan terlalu beremosi apabila lebih dua tan buah durian miliknya tidak terjual.